

Penerimgunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi oleh Belia Orang Asli Selangor: Indikator Integrasi Melalui Tafsiran Nilai

W. A. Amir Zal*

ABSTRAK

Perbincangan tentang realiti penerimgunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kalangan masyarakat peribumi telahpun dibincang oleh para sarjana tempatan dan antarabangsa. Antara persamaannya ialah isu jurang digital yang wujud antara masyarakat peribumi dan masyarakat arus perdana. Sungguhpun demikian, sintesis dari dapatan kajian para sarjana tersebut dapat disimpulkan bahawa masyarakat peribumi berupaya menerima pakai TMK dan berintegrasi sebagaimana masyarakat arus perdana. Namun, realiti yang dialami oleh belia Orang Asli dalam isu tersebut masih menjadi tanda tanya. Justeru, kajian ini menyenarai dua objektif bagi memasti isu tersebut dibincang secara lebih mendalam, iaitu menghurai penerimgunaan TMK dan menjelaskan perihal integrasi TMK melalui pegangan nilai belia Orang Asli. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian dilaksana ke atas 24 orang belia Orang Asli di Kampung Orang Asli Bukit Lanjan Damansara dan Pulau Carey, Selangor. Pendekatan triangulasi diguna bagi mengumpul data, iaitu melalui perbincangan kumpulan berfokus, temu bual mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta. Data dianalisis melalui perisian komputer QSR NVivo. Dapatan kajian menunjukkan belia Orang Asli menerima pakai TMK. Penerimgunaan TMK didorong oleh nilai keakuran iaitu TMK telah diterima pakai oleh masyarakat arus perdana yang dilihat sebagai lebih terkehadapan dalam soal pembangunan. Kajian ini mencadangkan supaya pembangunan ke atas Orang Asli dilaksana dengan berasaskan tiga prinsip, iaitu berfokus, menyeluruh dan konsisten.

Kata kunci: Belia Orang Asli, penerimgunaan TMK, integrasi pembangunan arus perdana, pengaruh nilai keakuran, prinsip berfokus, menyeluruh dan konsisten

ABSTRACT

The discussion about the milieu of adoption of Information and Communication Technology (ICT) among indigenous communities have been discussed by local and international scholars. In despite of the issues in common is the digital divide that exists between indigenous and mainstream society. Nevertheless, the synthesis of the findings of scholars concluded that the indigenous community has an ability to integrate ICT adopted as mainstream society. However, the reality experienced by Orang Asli youth on this issue remains to be seen. Hence, this research lists two objectives to ensure that the issue be discussed in more streamlined, which describe the adoption of ICT and ICT integration clarify matters by virtue of the Orang Asli youth. To achieve these objectives, a study conducted on 24 people of Orang Asli youth in Orang Asli settlements in Bukit Lanjan Damansara and Carey Island, Selangor. The triangulation approach used for data collection, namely through focus group discussions, in-depth interviews and nonparticipation observations. Data were analyzed by QSR NVivo. The results showed Orang Asli youth adopted ICT. The adoption of ICT is value-driven especially by conformity value in which adopted by mainstream society and that is seen as more ahead in terms of development. The article suggested that development on Orang Asli undertaken based on three principles, namely a focused, comprehensive and consistent.

Keywords: Orang Asli youth, the adoption of ICT, the integration of mainstream development, the influence of conformity values, principles focused, comprehensive and consistent

PENGENALAN

Isu penerimgunaan TMK dalam kalangan masyarakat peribumi bukan isu terpencil atau isu yang tidak mendapat perhatian oleh mana-mana sarjana. Sebaliknya, isu tersebut dibincang dalam konteks dan sudut yang berbeza. Dalam konteks tempatan, kajian yang berkaitan masyarakat peribumi dan TMK dapat diperhati melalui kajian projek e-Bario dan e-Bedian di Sarawak (Jayapragas et al. 2004; Marshall & Taylor 2005) dan projek TMK Kampung

Bayangan di Sabah (Mokhtarrudin 2002). Manakala kajian pada peringkat antarabangsa pula melibatkan penggunaan TMK masyarakat Maori New Zealand dan masyarakat peribumi Australia.

Projek e-Bario dilaksana ke atas komuniti Kelabit di tanah tinggi Sarawak (Marshall & Taylor 2005). Projek e-Bario merupakan projek perintis yang menyediakan kemudahan TMK kepada penduduk agar dapat berkomunikasi dengan masyarakat luar (Siti Zobidah et al. 2008) seperti komputer, Internet dan talian telefon

mudah alih (Songan et al. 2005). Projek tersebut bertujuan membantu komuniti membangun aspek sosial, budaya dan ekonomi melalui TMK (Bala et al. 2004). Projek e-Bedien pula adalah projek lanjutan daripada projek e-Bario, dilaksana ke atas komuniti di Long Bedien yang terdiri daripada etnik Kayan, Kelabit, Kenyah, Morek dan Penan (Marshall & Taylor 2005). Kajian Mokhtarrudin (2002) di Kampung Bayangan Sabah mendapati kadar literasi TMK yang tinggi dalam kalangan penduduk adalah sebagai indikator TMK diterima pakai. Sintesisnya, masyarakat peribumi menerima, tidak menolak TMK dan mampu menggunakannya.

PENYATAAN MASALAH

Isu menerima pakai TMK bukan sahaja berlaku pada kalangan masyarakat peribumi tempatan malah turut berlaku pada masyarakat yang serupa pada peringkat antarabangsa. Kajian Parker (2003) ke atas masyarakat Maori di New Zealand mendapati komuniti ini menghadapi masalah mengguna TMK kerana kadar pendapatan dan taraf pendidikan yang rendah sehingga mengekang masyarakat Maori mengakses TMK. Keadaan ini menyebabkan penerimgunaan TMK dilihat kurang berkesan. Perkara yang serupa turut berlaku dalam kalangan masyarakat peribumi Australia (Lilley 2008). Meskipun masyarakat peribumi Australia telah lama terlibat dengan TMK, namun kesan positif daripada penerimgunaannya kurang ketara (Hobson 2007). Sekalipun terdapat kesan yang positif, kesan tersebut adalah sebagai output daripada usaha pihak berautoriti yang menyediakan program atau kurikulum pendidikan khas yang berkaitan dengan TMK (Dyson & Robertson 2006). Dapatan kajian pada peringkat tempatan dan antarabangsa tersebut memberi gambaran bahawa masyarakat peribumi tidak menghadapi masalah menerima pakai TMK apatah lagi bagi tujuan berintegrasi seperti masyarakat arus perdana dalam pembangunan TMK. Namun begitu, masyarakat peribumi menghadapi kekangan dari segi kemampuan ekonomi dan pendidikan yang terhad.

Penerimgunaan TMK dalam kalangan belia Orang Asli masih menjadi persoalan. Laporan RMK-7 hingga RMK-9 tidak jelas menyatakan pembangunan rancangan yang melibatkan Orang Asli dalam TMK. Sebaliknya, laporan tersebut hanya menyatakan usaha untuk melengkapi kemudahan asas bagi memasti masyarakat Orang Asli tidak terus ketinggalan daripada arus pembangunan negara. Oleh itu, isu penerimgunaan dan integrasi TMK tidak diberi keutamaan.

Belia Orang Asli tidak sepatutnya mempunyai masalah menerima pakai TMK kerana kerajaan telah melaksanakan pelbagai pelan pembangunan dengan matlamat dapat diguna oleh semua lapisan masyarakat (Nur Atiqah et al. 2004). Namun, usaha pembangunan tersebut sekadar meletak harapan agar masyarakat Orang Asli memperoleh manfaat secara tidak langsung daripada pembangunan tersebut.

Antara kaedah yang diguna ialah galakan penyertaan belia Orang Asli dalam sistem pendidikan formal negara. Kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang mempunyai matlamat mengurungi jurang digital kawasan luar bandar dan pedalaman (PIPP 2006). Justeru, melalui PIPP belia Orang Asli dijangka memperoleh pendedahan, menerima pakai dan diintegrasikan ke dalam pelan tersebut. Bagi meneroka realiti sebenar yang berlaku dalam kalangan belia Orang Asli, kajian ini bertujuan menghurai penerimgunaan TMK oleh belia Orang Asli dan menjabarkan perihai integrasi TMK melalui pegangan nilai belia Orang Asli terhadap TMK.

TMK DAN BELIA ORANG ASLI DALAM PEMBANGUNAN ARUS PERDANA

Pembangunan Orang Asli mula dilaksanakan secara serius mulai RMK-7 hingga RMK-9. Kerajaan mengintegrasikan Orang Asli ke dalam arus pembangunan perdana negara melalui galakan penglibatan yang konsisten belia Orang Asli dalam sistem pendidikan negara (JHEOA 2008). Pembangunan belia Orang Asli lebih ketara dalam RMK-9 yang memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan (JHEOA 2008). Berbagai-bagai program dilaksanakan seperti pelaksanaan usaha yang melibatkan kanak-kanak, remaja dan belia Orang Asli dalam pendidikan formal, pendidikan tidak formal dan latihan kemahiran (Yahya 2008).

Namun, isu yang timbul mengenai usaha pembangunan khusus untuk Orang Asli adalah tidak bersifat kontemporari dan tidak selari dengan pembangunan arus perdana. Pembangunan untuk masyarakat Orang Asli hanya bertumpu kepada usaha untuk memenuhi keperluan asas Orang Asli seperti kemudahan elektrik, bekalan air bersih, rumah dan kemudahan asas yang lain. Penyataan tersebut dibuat berasaskan Kenyataan Dasar dan Tumpuan Pembangunan Orang Asli dalam RMK untuk Orang Asli seperti dalam Jadual 1.

INTEGRASI ANTARA BELIA ORANG ASLI DAN TMK

Kaedah yang diguna bagi mendekati Orang Asli dengan pembangunan ialah melalui galakan berinteraksi dengan masyarakat lain. Usaha tersebut membuka ruang kepada Orang Asli untuk menyedari dan memilih nilai dan cara hidup masyarakat arus perdana yang dirasakan sesuai. Interaksi tersebut menyebabkan Orang Asli berasa takjub dengan nilai masyarakat yang menggunakan TMK sehingga menyebabkan mereka turut terkesan untuk menerima pakai TMK.

Jangkaan tersebut tidak menghairankan kerana adalah lumrah dalam kalangan belia Orang Asli untuk bersikap obsesif terhadap perkara baharu. Namun pada realitinya, belia Orang Asli tidak menerima pakai TMK secara mendadak, sebaliknya berlaku secara perlahan-

JADUAL 1. Kenyataan dasar dan tumpuan pembangunan Orang Asli

RMK	Kenyataan Dasar	Tumpuan
RMKe7	Menggalak Orang Asli berintegrasi dalam arus pembangunan masyarakat dan boleh berdikari. Program kesihatan, perumahan dan pendidikan dilaksana untuk menyediakan kemudahan sosial asas bagi Orang Asli.	Pendidikan, integrasi kaum dan kualiti hidup
RMKe8	Pelaksanaan program pembangunan khusus untuk Orang Asli meliputi program ekonomi dan sosial. Agenda pembasmian kemiskinan dalam kalangan Orang Asli diterus.	Peningkatan ekonomi dan pembasmian kemiskinan
RMKe9	Pelan tindakan dalam tempoh rancangan merangkumi strategi dan program untuk meningkatkan pendapatan dan menambah baik kualiti hidup melalui pelaksanaan projek ekonomi serta penempatan semula dan pembangunan modal insan. Bagi tujuan ini, penyampaian program dan inisiatif pembasmian kemiskinan diperkukuh.	Peningkatan pendapatan, kualiti hidup, modal insan dan pembasmian kemiskinan

Sumber: JHEOA (2008).

lahan akibat daripada kesan interaksi yang panjang dengan masyarakat lain. Antara ruang interaksi tersebut ialah penglibatan dalam sistem pendidikan formal, sektor pekerjaan, sosial, politik dan ekonomi. Melalui sistem pendidikan negara misalnya, belia Orang Asli didedah dengan berbagai dasar kerajaan. Akibatnya, mereka akur untuk mengguna TMK sama seperti masyarakat yang lain. Melalui aktiviti ekonomi pula, mereka terpaksa akur mengguna khidmat TMK seperti telefon bimbit dan Internet.

Keadaan tersebut menunjukkan belia Orang Asli menerima desakan daripada persekitaran untuk berintegrasi dengan mengguna TMK. Manakala melalui penglibatan yang pasif seperti menonton televisyen dan media yang lain pula meningkat kemahuan menerima pakai TMK.

PENERIMAGUNAAN TMK BELIA ORANG ASLI DAN PENGARUH NILAI

Penerimgunaan merujuk kepada pengamalan, mental dan perasaan manusia yang melibatkan hubungan yang kompleks terhadap objek dan pengalaman (Dunn 2008). Namun penerimgunaan sesuatu perkara tersebut bergantung pada nilai yang dipegang oleh individu atau masyarakat. Manakala Rogers dan Shoemaker (1971) menegaskan struktur sosial yang mengandungi nilai tertentu bertindak untuk menghalang atau memudah difusi atau proses penerimaan inovasi. Rogers (2003) turut mempersetujui hakikat tersebut dengan menyatakan bahawa pengaruh nilai budaya bukan sahaja menjadi daya tolak utama dalam penerimaan atau penolakan sesuatu inovasi, tetapi nilai juga berperanan menunjukkan bagaimana inovasi berintegrasi dalam kehidupan manusia.

Pendedahan belia Orang Asli dengan pembangunan sama ada secara langsung mahupun sebaliknya membuka ruang kepada mereka untuk memiliki nilai terhadap TMK. Namun, pembentukan nilai khusus terhadap TMK dalam konteks komuniti Orang Asli tidak berlaku dengan mudah. Ini disebabkan sesebuah komuniti mempunyai

nilai yang berbeza dan nilai tersebut telahpun dipegang dengan kukuh (Schwartz 2006). Penerimgunaan bermula pada peringkat individu terlebih dahulu (Rogers 2003) dan setelah suatu tempoh tertentu diikuti pula oleh kumpulan.

Nilai yang dipegang boleh diperhati melalui sepuluh nilai yang dikategori oleh Schwartz (2006) sebagai nilai hedonisme, rangsangan, tumpuan sendiri, keselamatan, universalisme, kebaikan, keakuran, tradisi, kuasa dan pencapaian. Manusia mempunyai nilai yang berbeza sama ada disebabkan oleh budaya ataupun etnik. Antara faktor yang menyebabkan perbezaan tersebut ialah keperluan, niat dan matlamat manusia yang berbeza.

METODE KAJIAN

Kajian dilaksana di kampung Orang Asli Bukit Lanjan Damansara dan Pulau Carey di negeri Selangor. Kedua-dua lokasi tersebut dipilih setelah tiga perkara dipertimbang, iaitu kedudukan kampung yang berhampiran dengan bandar, mempunyai pengalaman pembangunan dan mempunyai ruang interaksi dengan masyarakat lain. Golongan belia dipilih sebagai populasi penyelidikan kerana golongan ini sensitif dan mempunyai sikap obsesif terhadap perkara baharu. Kelompok belia yang digunakan dalam kajian ialah individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Abdul Jalil 2007; Kim 2002; Mohd Ismail 2005).

Sampel kajian dipilih dengan mengguna prinsip variasi maksimum. Pendekatan ini dapat memastikan pemilihan sampel kajian mempunyai perbezaan atau kepelbagaian latar belakang yang ketara. Antara variasi yang dipertimbang ialah perbezaan latar belakang pendidikan, jantina dan umur. Seramai 24 orang belia Orang Asli dipilih sebagai responden kajian dengan setiap lokasi kajian diwakili oleh 12 orang.

Kajian ini mengaplikasi prinsip triangulasi sebagai kaedah mengumpul data, melalui perbincangan kumpulan berfokus (PKB), temu bual mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta. Bagi PKB dan temu bual mendalam,

protokol soalan yang diguna adalah sama, iaitu protokol semi berstruktur. Data direkod dan ditranskripsi daripada bentuk suara kepada bentuk tulisan. Manakala data daripada pemerhatian tidak ikut serta dikumpul dan disusun dalam borang khusus.

Data dianalisis dengan mengguna perisian komputer QSR NVivo. Data dimuat ke dalam NVivo dan kemudian prosedur asas penganalisan data dijalankan, iaitu kod terbuka, mengelompok, mengkategorikan dan membina tema berasaskan data kajian yang ditranskripsi. Tema yang dibina kemudiannya dipilih berasaskan prinsip ketepatan. Hanya tema yang mempunyai nilai tepu sahaja diterima sebagai hasil kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PENERIMAGUNAAN TMK OLEH ORANG ASLI

Hasil kajian menunjukkan belia Orang Asli telah mengguna TMK. Penerimaan tersebut boleh dilihat melalui tingkah laku penggunaan TMK dalam kehidupan mereka sama ada bagi tujuan untuk memudahkan urusan harian ataupun dalam pekerjaan dan hiburan. Misalnya pernyataan berikut:

TMK memang sangatlah baik untuk Orang Asli... Patut belajar. Kalau ada TMK Orang Asli boleh pergi jauh lagilah (berkembang maju). Dengan guna TMK kita dapat maklumat-maklumat... Sebab sekarang ni kalau nak bangunpun (membangun) banyak guna TMK kan (Informan A).

Belia Orang Asli menerima TMK dengan kesedaran akan realiti keadaan pembangunan semasa Orang Asli. Oleh itu, mereka mempertimbang TMK sebagai keperluan untuk diketahui dan digunakan. Realiti tersebut disimpulkan melalui konotasi yang hampir sama dinyatakan oleh informan kajian yang diringkaskan daripada pernyataan informan berikut:

Komputer penting untuk anak-anak sebab boleh menolong membantu anak-anak kita belajarlah, boleh tolong untuk belajar lebih tinggilah... Boleh guna TMK untuk bangunkan diri, bangunkan Orang Asli jugak (Informan C).

Selain itu, antara indikator penerimaan TMK oleh belia Orang Asli ialah kesedaran tentang keperluan menggunakan TMK bagi memperoleh maklumat untuk mengubah kehidupan. Berasaskan pemerhatian, kesungguhan belia Orang Asli mengguna TMK bagi memperoleh maklumat adalah ketara. Misalnya, belia Orang Asli berusaha untuk membeli televisyen meskipun dengan cara berhutang atas kesedaran perlunya mereka memperoleh maklumat terkini terhadap apa yang berlaku dalam persekitaran mereka. Usaha menerima pakai TMK ditunjukkan dengan ketara melalui langganan khidmat televisyen berbayar, iaitu ASTRO meskipun mereka tidak mempunyai pendapatan bulanan yang tetap.

Selain daripada itu, penerimaan TMK oleh belia Orang Asli turut dapat diperhati melalui penggunaan TMK bagi mengisi masa senggang mereka dengan hiburan yang

disediakan melalui media TMK. Misalnya kesimpulan daripada pernyataan informan berikut:

Tapi yang best dalam TV ni cerita-ceritalah. Macam nyanyi-nyanyi pun ok jugak, boleh hilang boring. Tapi gitulah, banyak hiburan dalam TV, jadi saya suka tengok TV lah (Informan G).

Realiti tersebut diuraikan dengan ringkas oleh Higgins (2005) yang menegaskan nilai untuk menerima sesuatu perkara baharu dibentuk melalui pengalaman berasa seronok dan berasa selesa. Pengalaman menyeronokkan dan hiburan telah berjaya menarik belia Orang Asli menerima pakai TMK. Ini bererti, hiburan adalah daya tarikan yang jelas bagi menerima pakai TMK. Pernyataan ini diperkuat dengan catatan pemerhatian kajian ini, yang menunjukkan belia Orang Asli mengguna komputer yang disediakan di rumah ataupun di kafe siber bagi tujuan hiburan seperti permainan komputer dan menggunakan perkakasan pelayar CD untuk menonton filem.

INDIKATOR INTEGRASI TMK MELALUI PEGANGAN NILAI

Berasaskan teori nilai yang diperkenalkan oleh Schwartz (2006), antara nilai yang boleh menunjukkan elemen wujudnya integrasi sesebuah komuniti dengan sistem arus perdana ialah nilai keakuran. Nilai keakuran merujuk kepada kepercayaan bahawa sesebuah komuniti (minoriti) perlu melakukan perkara yang diperkatakan dan dilakukan oleh masyarakat majoriti. Malah penting bagi masyarakat minoriti bertingkah laku seperti masyarakat lain termasuk menerima tingkah laku masyarakat lain walaupun asing pada mereka. Masyarakat minoriti juga perlu mengelak daripada melakukan perkara yang dilabel sebagai satu kesalahan oleh masyarakat majoriti.

Dalam kajian ini, belia Orang Asli menerima pakai TMK sepertimana masyarakat lain kerana menyedari masyarakat lain telah menggunakan TMK bagi melaksana urusan harian. Masyarakat Orang Asli juga percaya TMK bukan lagi kehendak atau barangan mewah, sebaliknya merupakan suatu keperluan dalam kehidupan moden. Menyedari realiti tersebut, belia Orang Asli terpaksa akur menerima pakai TMK sebagai indikator kepada realiti integrasi. Ia diakui oleh kesimpulan daripada pernyataan informan berikut:

Sekarang ni kita hidup ni apa-apa pun guna TMK kan? Contohnya kalau kita pergi bank walaupun simple pun, kita nak pergi cucuk duit pun guna TMK juga. Memang untuk kemudahan hidup Orang Asli, kita mesti guna kalau tidak kita akan ketinggalan, mundur (Informan K).

Realiti keakuran yang membawa kepada integrasi menjadi satu pegangan yang kuat oleh belia Orang Asli dapat diperhati melalui perkaitan yang dilakukan oleh belia Orang Asli antara pembangunan dan masalah kemunduran Orang Asli. Mereka seolah-olah meletakkan syarat menerima pakai TMK sebagai prasyarat untuk keluar daripada masalah kemunduran. Mereka

mengamati bahawa masyarakat lain yang mengguna TMK adalah lebih maju meninggalkan Orang Asli di belakang. Justeru, belia Orang Asli percaya TMK diperlu bagi mengurangi jurang pembangunan yang berlaku.

Realiti tersebut bersesuaian dengan pemerhatian yang dilakukan dalam kajian lapangan. Lokasi kampung Orang Asli yang berada berhampiran dengan perkampungan masyarakat lain telah membentuk nilai keakuran. Pergantungan masyarakat luar kepada TMK mendesak belia Orang Asli turut sama mengguna TMK terutamanya apabila terpaksa berhadapan dengan kesukaran memenuhi keperluan seperti urusan jual beli dan berkomunikasi tanpa mengguna TMK. Desakan yang diterima oleh belia Orang Asli daripada realiti tersebut memaksa belia Orang Asli menerima pakai TMK bagi memenuhi keperluan hidup. Ia dipersetujui oleh Higgins (2005), yang menyatakan bahawa nilai terbentuk daripada kepentingan untuk memenuhi keperluan hidup. Berdasarkan pemerhatian, belia Orang Asli telah memiliki komputer atau menggunakannya di kafe siber atau sekolah kerana ia dimiliki dan diguna oleh masyarakat lain. Penyataan informan berikut turut membuktikan perkara yang sama:

Saya boleh terima pengetahuan TMK, macam orang cakaplah, era globalisasi. Tapi kalau Orang Asli terus duduk di hutan, Orang Asli akan terus tak maju. Semua tu kena, nak tak nak semua tu kena terima TMK. Orang Asli kena terima TMK untuk kemajuan juga... Orang lain pun maju kerana guna TMK (Informan O).

Penyataan tersebut turut menunjukkan beberapa perkara lain, iaitu sikap cakna belia Orang Asli dengan realiti semasa, termasuk perubahan dan desakan yang dialami oleh masyarakat luar, khususnya dalam menerima guna pakai TMK. Selain daripada itu, penyataan tersebut menunjukkan bahawa belia Orang Asli sedar akan sebahagian daripada nilai yang dipegang oleh masyarakat tersebut sebagai tidak bersesuaian dengan kehendak perubahan. Malah jika terus berlaku, dibimbangi bukan sahaja merugikan masyarakat Orang Asli bahkan menjarak lagi jurang perbezaan antara mereka. Justeru, masyarakat Orang Asli perlu mengikut jejak langkah masyarakat lain untuk mengguna TMK. Pegangan nilai ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa wujudnya integrasi belia Orang Asli dengan masyarakat luar melalui penerimgunaan TMK. Tafsiran yang boleh dibuat ialah, nilai yang dipegang adalah tidak statik, boleh berubah-ubah terutamanya di bawah dampak globalisasi (Abdul Rahman 2006). Ini juga memperlihatkan hubungan sosial adalah penyebab kepada pembentukan sesuatu nilai (Ismail 1998).

KESIMPULAN

Tanggapan bahawa masyarakat Orang Asli sukar diubah dan sukar dimasukkan ke dalam sistem pembangunan arus perdana adalah tidak benar. Ia dibuktikan daripada dapatan kajian yang menunjukkan belia Orang Asli telah

menerima pakai TMK dan berintegrasi dengan masyarakat lain dalam konteks yang sama seperti yang ditegaskan oleh Ma'rof dan Abdul Razak (2008), iaitu Orang Asli semakin membangun dan hampir menyamai masyarakat arus perdana. Meskipun penerimgunaan tersebut didorong oleh pelbagai faktor, namun masyarakat Orang Asli tetap membuktikan bahawa mereka turut aktif dalam menilai perubahan yang berlaku pada persekitaran mereka.

Selain daripada itu, indikator integrasi turut ditunjukkan melalui pemilikan nilai khusus terhadap TMK, iaitu nilai keakuran. Nilai keakuran memaksa belia Orang Asli menerima pakai TMK atas kebimbangan jarak pemisah perbezaan pembangunan di antara Orang Asli dan masyarakat lain semakin melebar. Justeru, mereka perlu menerima pakai TMK. Nilai tersebut dibentuk kesan daripada interaksi Orang Asli dengan masyarakat lain di sekitar mereka.

Menyedari realiti tersebut, kajian ini mencadangkan supaya pembangunan ke atas masyarakat Orang Asli hendaklah dilaksanakan berasaskan tiga prinsip, iaitu berfokus, menyeluruh dan konsisten. Prinsip berfokus bermaksud, usaha pembangunan perlu diteliti dan dikhusus jenis pembangunan yang ingin disampaikan kepada masyarakat Orang Asli. Pelbagai strategi boleh dilaksana supaya pembangunannya bersifat lebih holistik.

Prinsip menyeluruh pula mengambil kira semua medium yang dapat diakses oleh Orang Asli. Misalnya melalui pendidikan formal, penggunaan media sedia ada dan jarak lokasi kampung Orang Asli dengan kampung masyarakat lain. Prinsip konsisten pula ialah pembangunan ke atas Orang Asli tidak dapat menghasilkan perubahan dalam masa yang singkat. Malah tidak akan berjaya jika pembangunan dilaksana berasaskan pendekatan sentuh dan lepas. Sebaliknya, pendekatan yang berjaya ialah pendekatan yang mengamal prinsip konsisten, meskipun mengambil masa yang panjang. Sekiranya, ketiga-tiga prinsip tersebut diambil kira, output pembangunan dalam konteks TMK yang disampaikan kepada Orang Asli dapat menghasilkan natijah sebagaimana yang dijangka.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Ismail. 2007. *Memperkasakan Partisipasi Belia sebagai Modal Insan Bertaraf Global: Isu, Harapan dan Cabaran*. Dalam *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III: Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang*, disunting oleh Ahmad Haji Zainuddin & Asiah A. R. Perak: Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rahman Embong. 2006. *Negara-Bangsa Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bala, P., Songan, P., Khairuddin Ab Hamid, Harris, R. & Khoo, G.L. 2002. Bridging the digital divide: The e-Bario experience. *Sarawak Development Journal* 5(1): 63-78.
- Dunn, R.G. 2008. *Identifying Consumption: Subject and Objects in Consumer Society*. Philadelphia: Temple University Press.

- Dyson, L.E & Robertson, T. 2006. Indigenous Participation in Information Technology Project: Achievements and Challenges of the First Three Years. *The Australian Journal of Indigenous Education* 35: 11-20.
- Higgins, E.T. 2005. Value from Regulatory Fit. *American Psychological Society* 14(4): 209-213.
- Hobson, J. 2007. Information Technology and Indigenous People [Review of the book *Information Technology and Indigenous People*]. *The Australian Journal of Indigenous Education* 7: 117-118.
- Ismail Hamid. 1998. Agama dan Kepercayaan. Dalam *Nilai Budaya Masyarakat Desa; Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis*, disunting oleh Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jayapragas Gnaniyah, Alvin Yeo, Peter Songan, Hushairi Zen & Khairuddin Ab Hamid. 2004. A Comparison on the Implementation Approaches for the e-Bario and e-Bedian Projects. Dalam *Work with Computing Systems*, disunting oleh H.M. Khalid, M.G. Helander, A.W. Yeo. Kuala Lumpur: Damai Sciences.
- JHEOA [Jabatan Hal Ehwal Orang Asli]. 2008. *Pembangunan Orang Asli – Cabaran dan Kejayaan*. Seminar Mengenai Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Cabaran dan Kejayaan Sempena Hari Orang Asli Sedunia. 19 Ogos 2008. Pusat Pengajian Peribumi Malaysia, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Kim Hak-Su. 2002. *Youth In Malaysia: A Review of the Youth Situation and National Policies and Programmes: Economic and Social Commission for Asia and the Pacific*, United Nation.
- Lilley, S.C. 2008. Information Barriers and Māori Secondary School Students. *Information Research* 13(4).
- Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak. 2008. Integrasi Orang Asli dalam Masyarakat Arus Perdana. Dalam *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*, disunting oleh Ma'rof Redzuan dan Sarjit S. Gill. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Marshall, S. & Taylor, W. 2005. Facilitating the use of TMK for community development through collaborative partnerships between universities, governments and communities. *International Journal of Education and Development using TMK*
- Mohd Ismail Mustari. 2005. *Menjadi Belia Cemerlang*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mokhtarrudin Ahmad. 2002. *Projek TMK dan Komuniti Kampung Bayangan, Keningau Sabah*. Seminar Teknologi Maklumat, Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, 26-27 Mac. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Nur Atiqah A., Ahmad Khairy A.D. & Nik Mustasim N. A. R. 2004. Permintaan Firma Terhadap Tenaga Kerja Teknologi Maklumat & Komunikasi (TMK): Satu Kajian Empirikal di Malaysia. Dalam, *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, disunting oleh Tan Kim Hua, Sivapalan Selvadurai, Mohd Ekhwan Toriman & Azhar Jaludin. Bangi: Universiti Kebangsaan dan ICOSH.
- Parker, B. 2003. Maori access to information technology. *The Electronic Library* 21(5): 456-460.
- PIPP [Pelan Induk Pembangunan Pendidikan]. 2006. *Edisi Pelancaran*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rogers, E.M. & Shoemaker, F.F. 1971. *Communication of Innovations: A Cross-Cultural Approach*. New York: Free Press.
- Rogers, E.M. 2003. *Diffusion of Innovations* (5th Ed.). New York: The Free Press.
- Schwartz, S. H. 2006. *Basic Human Values: An Overview*. Basic Human Values: Theory, Methods, and Applications. Dimuat turun pada 20 Mei 2008 dari <http://www.fmag.unTMK.it/>
- Siti Zobidah Omar, Musa Abu Hassan, Narimah & Jusang Bolong. 2008. Faktor Kejayaan & Kegagalan Projek TMK di Luar Bandar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 16(2): 173-186.
- Songan, P, Harris, R., Bala, P. & Khoo, G. L. 2000. Awareness and usage of information technology in a rural community of Bario, Sarawak. Dalam *Borneo 2000: Politics, History & Development*, disunting oleh M. Leigh. Universiti Malaysia Sarawak, (hlm. 560-575).
- Yahya Awang. 2008. *Sejarah Perkembangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA): Cabaran dan Kejayaan*. Seminar Mengenai Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Cabaran dan Kejayaan Sempena Hari Orang Asli Sedunia. 19 Ogos 2008. Pusat Pengajian Peribumi Malaysia, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

W. A. Amir Zal*

*Corresponding author: waamirzal@umt.edu.my
Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu,
MALAYSIA